

Enam terlibat disahkan membawa virus rabies

32 digigit anjing direkodkan di Perlis

Oleh **SHOLINA OSMANH**
utusanperlis@utusan.com.my

■ **KANGAR 22 SEPT.**

SEBANYAK 32 kejadian gigitan anjing direkodkan di negeri ini setakat ini dengan enam anjing yang terlibat disahkan membawa virus rabies.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr. Shaharul Akmar Talib berkata, ini termasuk dua kes terbaharu yang berlaku di Kaki Bukit, Padang Besar dan Simpang Empat, Arau hari ini.

"Kes di Kaki Bukit melibatkan anjing peliharaan yang telah diberikan suntikan vaksin manakala kes di Simpang Empat pula adalah anjing liar," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai perkembangan wabak anjing gila atau rabies di negeri ini.

Menurut Shaharul Akmar, se-



Kes di Kaki Bukit melibatkan anjing peliharaan yang telah diberikan suntikan vaksin manakala kes di Simpang Empat pula adalah anjing liar."

SHAHARUL AKMAR TALIB
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri



takat ini, semua mereka yang digigit anjing telah disahkan bebas jangkitan virus rabies.

Menurut beliau, pihaknya juga telah menjalankan program pen-

vaksinan ke atas 782 ekor anjing di seluruh negeri ini.

"Kira-kira 300 anjing dimusnahkan yang kebanyakannya adalah anjing liar," ujarnya.